

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

RPK 535 - Perancangan Wilayah & Desa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Berdasarkan kepada konsep dan pendekatan Kutub Pertumbuhan dan agropolitan yang dikatakan gagal melaksanakan fungsinya dalam pembangunan wilayah, cadangkan suatu pendekatan baru yang pada pandangan anda mungkin berupaya menghasilkan kesan yang lebih baik untuk membangunkan wilayah mundur.

(25 markah)

2. Penekanan kepada isu-isu 'supra bandar' menjadikan perancangan wilayah suatu pendekatan perancangan awam yang unik berbanding dengan jenis-jenis perancangan yang lain.

- a) Oleh itu, kerajaan pusat seharusnya mengagihkan pentadbirannya kepada peringkat kerajaan yang lebih rendah untuk memastikan perlaksanaan pembangunan wilayah yang lebih berkesan. Jelaskan pandangan anda tentang perkara ini.

b) Bagaimanakah perancangan wilayah dapat menyelesaikan masalah-masalah sosial/ekonomi di dalam kawasan bandar, khasnya pengangguran dan kemiskinan?

(25 markah)

3. Huraikan perkara-perkara utama yang anda fikirkan perlu diberi penekanan dalam membentuk sesuatu dasar wilayah.

(25 markah)

...2/-

4. a) Huraikan dengan ringkas rasional kepentingan aspek ruang dan pertumbuhan ekonomi di dalam perancangan wilayah.

(13 markah)

b) Jelaskan dengan ringkas EMPAT isu atau masalah perancangan wilayah.

(12 markah)

5. Beri komen anda tentang salah satu strategi/model pembangunan desa yang sedang dilaksanakan di Malaysia.

(25 markah)

6. a) Terangkan strategi-strategi pembangunan wilayah yang telah dilaksanakan di negara ini semenjak Rancangan Malaysia Kedua.

(10 markah)

b) Sejauhmanakah perlaksanaan strategi-strategi ini telah mencapai matlamatnya?

(15 markah)

-0000000-